

Helah guna bot klon terbongkar

Empat nelayan warga Vietnam ceroboh perairan negara ditahan Maritim

RAIHAM MOHD SANUSI

KEMAMAN

Helah empat nelayan asing warga Vietnam menangkap ikan di perairan Terengganu dipercayai menggunakan bot klon untuk mengelakkan aktiviti haram mereka dihidu penguatkuasa terbongkar apabila ditahan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia).

Kesemua empat tekong

dan awak-awak yang berusia 21 hingga 26 tahun itu berjaya ditangkap pada jarak 47 batu nautika dari Tanjung Mat Amin, di sini, kira-kira jam 1.20 pagi kelmarin.

Pengarah Zon Maritim Kemaman, Komander Maritim Rashidilhadi Abd Rashid berkata, bot terbabit ditahan ketika kapal peronda Maritim Malaysia sedang melakukan rondaan di sekitar perairan negeri ini sebelum berjaya mengesan sebuah bot nelayan yang dilihat cuba melarikan diri.

Katanya, hasil pemeriksaan mendapati bot itu disyaki bot klon selain bot terbabit juga gagal mengemukakan lesen serta tidak mempunyai dokumen pengenalan diri yang sah dan permit kerja pula meragu-



Bot yang dinaiki empat nelayan Vietnam ini ditahan pada jarak 47 batu nautika dari Tanjung Mat Amin, Kemaman.

kan.

"Sebanyak lebih kurang 20 kilogram ikan yu juga ditemui di dalam bot ini dan dipercaya bot ini baru

sahaja memasuki perairan Malaysia memandangkan hasil tangkapan ikan tidak banyak.

"Bot berkenaan berser-

ta peralatan menangkap ikan yang dianggarkan bernilai RM1 juta kemudian dibawa ke jeti Zon Maritim Kemaman untuk siasatan

lanjut," katanya.

Menurut Rashidilhadi, kes berkenaan disiasat di bawah Akta Perikanan 1985 yang memperuntukan denda tidak melebihi RM1 juta bagi pemilik dan tekong bot manakala RM100,000 bagi awak-awak atau penjara tidak melebihi dua tahu jika disabitkan kesalahan.

Tambah beliau, Maritim Malaysia Negeri Terengganu percaya masih ada lagi nelayan asing yang sengaja memasuki perairan Malaysia untuk mencuri hasil laut dan dibawa pulang ke negara mereka.

"Susulan itu rondaan dan penguatkuasaan akan sentiasa dipertingkatkan dari semasa ke semasa bagi memastikan perairan Malaysia sentiasa selamat dan terpelihara," katanya.